

Online Submission Oleh Kerajaan Negeri Perlis Pada 14 November 2019

Tuan,

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pejabat ini telah diberi tanggungjawab untuk memberi ulasan dan syor kepada Rang undang-Undang di atas bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis.

3. Berikut adalah ulasan dan syor Kerajaan Negeri Perlis mengenai Rang Undang-Undang di atas:

(a) Memandangkan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis ini akan menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, persoalannya agensi manakah yang akan bertanggungjawab untuk memantau agensi-agensi penguatkuasa yang lain yang sebelum ini diletakkan di bawah Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan?

Sehubungan dengan itu disyorkan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis juga bertanggungjawab kepada agensi penguatkuasaan yang lain selain anggota polis atau ditubuhkan apa-apa badan lain untuk mendengar aduan terhadap agensi penguatkuasaan sebelum pembubaran Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dilaksanakan atau Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan tersebut tidak dibubarkan tetapi terus berfungsi untuk memantau agensi penguatkuasaan yang lain sepertimana yang dibuat sebelum ini selain terhadap anggota polis.

(b) Memandangkan kuasa pelantikan anggota polis masih lagi dijalankan oleh Suruhanjaya Polis maka kuasa tindakan tatatertib sehingga hukuman buang kerja yang akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis tersebut hendaklah dilihat dengan teliti dari sudut perundangan sama ada kuasa ini boleh dijalankan oleh Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis yang bukan merupakan badan yang membuat pelantikan anggota-anggota polis tersebut. Pejabat ini mengambil maklum mengenai peruntukan Perkara 140(1) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan Parlimen mengadakan suatu undang-undang bagi memberi kuasa kepada badan lain untuk menjalankan tindakan tatatertib terhadap anggota polis.

Sekian terima kasih

t.t

WAN JEFFRY BIN KASSIM
Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis